

Ruj. Fail : MBSJ.KHP.100-6/1/1()

**MINIT MESYUARAT PENUH
MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA
BIL. 4 TAHUN 2021**

Tarikh : **28 April 2021 (Rabu)**

Masa : **10.00 pagi – 11.45 pagi**

Tempat : **Bilik Mesyuarat Kenanga,
Aras 2, Ibu Pejabat,
Majlis Bandaraya Subang Jaya**

Kehadiran : **Seperti di Lampiran A**

1.0 BACAAN DOA

Mesyuarat dimulakan dengan bacaan doa oleh Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Setiausaha Majlis Bandaraya Subang Jaya.

2.0 TAYANGAN AKTIVITI BULAN APRIL 2021

Tayangan video sorotan program dan aktiviti sepanjang bulan April 2021.

3.0 PERUTUSAN DATUK BANDAR

Datuk Bandar memulakan mesyuarat dengan mengucapkan salam kepada semua yang hadir dan memaklumkan bahawa mesyuarat kali ini merupakan Mesyuarat Penuh Majlis Bandaraya Subang Jaya kali yang keempat bagi tahun 2021. Seterusnya pemakluman beberapa perkara seperti yang berikut :

- i) Pengisytiharan kepentingan peribadi bagi Mesyuarat Penuh. Semua ahli mesyuarat diwajibkan mengisytihar kepentingan peribadi ke atas sebarang keputusan yang dibincangkan serta hendaklah berkecuali dengan menyatakan kepentingan dan berundur diri seketika semasa perbincangan. Selaras dengan keputusan Mesyuarat MMKN bil 21/2018, Ahli Majlis diminta mengisi borang Pengisytiharan Kepentingan Ahli Mesyuarat setiap kali mesyuarat diadakan.
- ii) Pemakluman larangan menggunakan peralatan komunikasi semasa mesyuarat berlangsung.
- iii) Datuk Bandar berkongsi berkenaan produktiviti kerja di bulan Ramadan. Ramadan merupakan bulan yang penuh keberkatan. Kehadiran bulan ini seharusnya dapat meningkatkan semangat dan iltizam umat Islam dalam merebut segala keberkatan yang ada, justeru tidak boleh dijadikan alasan untuk malas bekerja serta penurunan produktiviti dengan alasan lapar dan dahaga. Persepsi

ini amat bercanggah dengan ajaran Islam, seharusnya ibadah puasa perlu dijadikan motivasi untuk lebih berusaha dan berjaya.

Puasa bukan sahaja amalan yang membentuk rohaniah tetapi juga jasmani. Terdapat banyak faedah kesihatan yang diperolehi apabila seseorang berpuasa. Oleh itu, menjadikan alasan berpuasa menyebabkan produktiviti menurun merupakan sesuatu yang tidak berasas. Pekerja yang cemerlang mampu menghadapi cabaran dengan baik dan berkesan.

Terdapat beberapa kajian sains dan ilmu moden berkenaan kelebihan puasa. Kajian mendapati amalan berpuasa pada bulan Ramadan mempunyai kesan fisiologi dan psikologi secara tidak langsung. Kesan fisiologi termasuklah merendahkan paras gula dalam darah, kolesterol dan tekanan darah. Manakala daripada sudut psikologi, dengan berpuasa dapat memberi ketenangan dan kedamaian pada minda dipercayai berkait dengan paras gula dalam darah yang semakin stabil.

Ramadan juga mendidik diri menghayati konsep hablun min Allah (hubungan dengan Allah) dan konsep hablun minannas (hubungan sesama manusia). Hubungan itu terserlah dalam ibadah dan akhlak yang dilakukan sepanjang Ramadan dan diharap dapat diteruskan selepas Ramadan.

Menurut Dr. Mac Fadon, seorang doktor dari Amerika, “Puasa adalah seperti tongkat ajaib yang dapat menyembuhkan penyakit yang membabitkan perut.”

Sebenarnya banyak lagi kelebihan berpuasa daripada aspek kesihatan, emosi dan psikologi. Di bulan yang mulia ini, bersamalah perbaiki diri ke arah yang lebih positif. Moga Ramadan kali ini ada manfaatnya yang berterusan. Beliau mewakili warga MBSJ mengucapkan Selamat Menjalani Ibadah Puasa.

- iv) Datuk Bandar turut membuat hebahan berkenaan kutipan sampah pukal di musim perayaan. Majlis Bandaraya Subang Jaya menyediakan perkhidmatan kutipan sampah pukal secara percuma sempena sambutan Hari Raya Aidilfitri tahun ini. Maklumat berkenaan kutipan adalah seperti yang berikut :
 - a. Perkhidmatan kutipan untuk semua penduduk di perumahan teres di kawasan pentadbiran Majlis;
 - b. Keutamaan diberikan kepada penduduk yang menyambut Hari Raya Aidilfitri;
 - c. Kutipan akan dijalankan oleh KDEB Waste Management Sdn. Bhd. Permohonan boleh dikemukakan terus kepada KDEB Waste Management Sdn. Bhd. melalui talian telefon : 03-80814437 atau aplikasi whatsapp : 011-35584437;
 - d. Tarikh permohonan bermula 26 April 2021 sehingga 7 Mei 2021;
 - e. Tarikh kutipan bermula 26 April 2021 sehingga 10 Mei 2021;

- f. Kutipan ini hanya melibatkan sampah pukal sahaja seperti tilam, perabot lama, barang elektrik lama dan seumpamanya. Kutipan tidak termasuk sampah ubah suai rumah, pindah rumah dan barang kitar semula.

Maklumat lanjut berkenaan perkara ini sila hubungi Jabatan Pengurusan Alam Sekitar, MBSJ di talian 03-80264363.

- v) Beliau turut memaklumkan data berkaitan kes demam denggi di kawasan pentadbiraan MBSJ. Sehingga minggu Epid 16 iaitu sehingga 24 April 2021 terdapat sebanyak 622 kes positif demam denggi dilaporkan di kawasan pentadbiran MBSJ berbanding dengan sebanyak 2,736 kes dilaporkan dalam tempoh sama tahun 2020. Alhamdulillah tiada lokaliti hotspot denggi dilaporkan selama 3 minggu berturut-turut di kawasan MBSJ.

Walau bagaimanapun, masyarakat diminta terus meluangkan masa 10 minit seminggu sekali dengan mencari dan memusnahkan tempat-tempat pembiakan nyamuk Aedes di dalam dan sekitar premis masing-masing.

- vi) Maklumat mengenai kes covid-19 turut dikongsi dan sehingga 25 April 2021 terdapat sebanyak 392,942 kes positif Covid 19 dilaporkan di seluruh Malaysia dengan sebanyak 1,436 kematian. Manakala di Negeri Selangor terdapat 128,011 kes positif Covid 19 dilaporkan dengan sebanyak 36,128 adalah kes di Daerah

Petaling. Dalam kawasan pentadbiran MBSJ jumlah kes adalah sebanyak 12,626 kes.

Sebanyak 27 kes positif Covid 19 dilaporkan di kalangan kakitangan MBSJ sejak pandemik ini bermula. Bagi tempoh semasa hanya 11 kes sahaja di kalangan kakitangan MBSJ yang masih aktif.

Sejak pelancaran Program Imunisasi Covid 19 Kebangsaan, seramai 589 kakitangan MBSJ telah menerima vaksin Covid 19. Dari jumlah tersebut seramai 401 kakitangan telah melengkapkan 2 dos suntikan vaksin Covid 19 setakat ini.

Pihak Majlis sentiasa mengingatkan semua kakitangan MBSJ dan masyarakat di kawasan pentadbiran MBSJ untuk mematuhi SOP yang telah ditetapkan dengan mengelakkan 3S (Sesak,Sempit,Sembang Dekat) dan mengamalkan 3W iaitu Wash(kerap basuh tangan / guna *hand sanitizer*), Wear (digalakkan memakai pelitup mulut dan hidung), Warn (tidak bersalaman, etika batuk / bersin, disinfeksi, periksa suhu badan).

- vii) Datuk Bandar turut memaklumkan berkenaan program bingkisan mesra Selangor (Penyerahan bantuan food basket kepada pemandu teksi dan bas sekolah) peringkat Majlis Bandaraya Subang Jaya.

Program ini merupakan inisiatif pihak Kerajaan Negeri Selangor bagi membantu meringankan beban pemandu teksi dan pemandu bas sekolah di seluruh Negeri Selangor. Program ini telah diadakan pada pagi ini 28 April 2021 (Rabu) bertempat di Arena MBSJ dan dihadiri oleh Yang Berhormat Puan Rodziah binti Ismail Pengurus Jawatankuasa Tetap Perumahan, Kesejahteraan Bandar dan Pembangunan Usahawan Merangkap ADN Batu Tiga. Food Basket ini telah diberikan kepada 773 pemandu yang terdiri dari pemandu teksi seramai 575 dan pemandu bas seramai 198. Sumbangan berupa barang keperluan asas dan kegunaan harian.

- viii) Datuk Bandar mewakili warga kerja MBSJ turut menyampaikan ucapan takziah kepada ahli keluarga Allahyarhamah Puan Nor Liyana binti Yahaya yang telah kembali ke rahmatullah pada 25 April 2021 bersamaan 13 Ramadan 1442. Diiringi doa agar keluarga redha dan sabar menerima dugaan ini. Semoga rohnya dicucuri rahmat Ilahi, diampunkan segala dosanya yang lalu, diterima amal ibadahnya serta dimasukkan bersama golongan orang yang beriman dan beramal soleh. Seterusnya ahli mesyuarat menyedekahkan Al-fatihah dan bertafakur untuk bukan Islam kepada Allahyarhamah Puan Nor Liyana binti Yahaya.

- ix) Datuk Bandar mengucapkan terima kasih kepada semua yang hadir dan berharap mesyuarat pada hari ini berjalan lancar.

4.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT PENUH MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA BIL. 3/2021

Minit Mesyuarat Penuh Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 3/2021 bertarikh 24 Mac 2021 (Rabu) disahkan tanpa sebarang pindaan.

5.0 MAKLUM BALAS MESYUARAT PENUH MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA BIL. 3/2021

Maklum balas Mesyuarat Penuh Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 3/2021 bertarikh 24 Mac 2021 (Rabu) disahkan tanpa sebarang pindaan.

6.0 PEMBENTANGAN LAPORAN MESYUARAT JAWATANKUASA

6.1 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kemasyarakatan Majlis Bandaraya Subang Jaya bil. 3/2021 bertarikh 6 April 2021

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan pindaan seperti yang berikut :

| Bil | Para & M/Surat | Ahli Majlis | Perkara | Pindaan / Cadangan |
|-----|------------------------|-----------------------|--------------|---|
| 1. | Para 8.3(iii) & m/s 25 | Encik Thamilarusu a/l | Hal-hal lain | Beliau meminta pindaan dibuat bagi perkataan Biowater Estate kepada |

| Bil | Para & M/Surat | Ahli Majlis | Perkara | Pindaan / Cadangan |
|-----|-------------------|----------------------------------|--------------|--|
| | | Sandayan | | <p>Bluwater Estate.</p> <p>Keputusan Mesyuarat :</p> <p>Datuk Bandar meminta urus setia Mesyuarat Jawatankuasa Kemasyarakatan membuat pindaan terhadap minit mesyuarat seperti yang dinyatakan.</p> <p>Tindakan :</p> <p>Jabatan Pembangunan Masyarakat</p> |
| 2. | Para 8.4 & m/s 26 | Encik Kenneth Sam a/l Saminathan | Hal-hal lain | <p>Beliau meminta pindaan dibuat bagi perkara berikut :</p> <ul style="list-style-type: none"> i) Perkataan Zon 1 kepada Zon 11 ii) Lokasi TK 5/24 kepada TK 5/27 <p>Keputusan Mesyuarat :</p> <p>Datuk Bandar meminta</p> |

| Bil | Para & M/Surat | Ahli Majlis | Perkara | Pindaan / Cadangan |
|-----|----------------|-------------|---------|--|
| | | | | <p>urus setia Mesyuarat Jawatankuasa Kemasyarakatan membuat pindaan terhadap minit mesyuarat seperti yang dinyatakan.</p> <p style="text-align: right;">Tindakan : Jabatan Pembangunan Masyarakat</p> |

6.2 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Majlis Bandaraya Subang Jaya bil. 4/2021 bertarikh 13 April 2021

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan cadangan seperti yang berikut :

| Bil | Para & M/Surat | Ahli Majlis | Perkara | Pindaan / Cadangan |
|-----|--------------------|--------------------|---|--|
| 1. | Para 5.2.2 & m/s 6 | Encik Yap Kok Weng | Laporan pendengaran bantahan ke atas pindaan kepada senarai | Beliau memaklumkan bahawa mesyuarat memutuskan supaya kajian dan kertas kerja disediakan berkenaan cadangan kadar nilaiang lebih |

| Bil | Para & M/Surat | Ahli Majlis | Perkara | Pindaan / Cadangan |
|-----|----------------|-------------|--------------------------------------|--|
| | | | nilaian berkuat kuasa 1 Januari 2021 | <p>rendah untuk harta berstrata berbanding harta bertanah.</p> <p>Keputusan Mesyuarat :</p> <p>Datuk Bandar meminta disediakan kertas kerja cadangan bagi kadar penilaian lebih rendah ke atas harta berstrata berbanding harta bertanah.</p> <p>Tindakan :</p> <p>Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta</p> |

6.3 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Perancangan dan Pembangunan Majlis Bandaraya Subang Jaya bil. 5/2021 bertarikh 24 Mac 2021

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

6.4 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Perancangan dan Pembangunan Majlis Bandaraya Subang Jaya bil. 6/2021 bertarikh 13 April 2021

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan cadangan seperti yang berikut :

| Bil | Para & M/Surat | Ahli Majlis | Perkara | Pindaan / Cadangan |
|-----|---------------------|--------------------------------|--|---|
| 1. | Para 5.11 & m/s 124 | Encik Mohd Fitri bin Jamaludin | Kertas Kerja bil : 119/06/31/2021 (Untuk : Trans Loyal Development - 554684-A) | <p>Beliau meminta penjelasan lanjut berkaitan perkara berikut:</p> <ul style="list-style-type: none">i) Rumah kongsi yang akan didirikan di lokasi tanah lapang awam di lot 101766, Jalan Indah 2, Taman Puchong Intan.ii) Anggaran bilangan pekerja asing yang akan tinggal di rumah kongsi tersebut.iii) Kekerapan lori yang akan keluar masuk ke kawasan tersebut. |

| Bil | Para & M/Surat | Ahli Majlis | Perkara | Pindaan / Cadangan |
|-----|----------------|-------------|---------|--|
| | | | | <p>Keputusan Mesyuarat :</p> <p>Datuk Bandar memaklumkan bahawa tanah lapang yang berkaitan berada bersebelahan dengan 3 tapak projek yang dibangunkan oleh Trans Loyal Development dan keadaan semasa tanah lapang adalah tidak terurus. Pemaju mencadangkan supaya mereka menggunakan tanah tersebut sewaktu tempoh pembinaan dan mereka akan menaik taraf tanah tersebut setelah pembinaan tamat. MBSJ telah berbincang dan menetapkan beberapa perkara seperti berikut :</p> <p>i) Tempoh masa yang</p> |

| Bil | Para & M/Surat | Ahli Majlis | Perkara | Pindaan / Cadangan |
|-----|----------------|-------------|---------|--|
| | | | | <p>dibenarkan untuk menggunakan tanah lapang tersebut. Cadangan hanya dibenarkan 1-2 tahun sahaja.</p> <p>ii) Jumlah keluasan tanah yang akan digunakan. Majlis akan meminta pemaju supaya menyediakan kawasan yang boleh digunakan oleh orang awam.</p> <p>Mesyuarat memutuskan perkara ini akan dibentangkan semula untuk pemakluman kepada Ahli Majlis kawasan dan penduduk sekitar.</p> <p style="text-align: right;">Tindakan : Jabatan Perancangan Bandar</p> |

**6.5 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan
Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 4/2021 bertarikh
14 April 2021**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan cadangan seperti yang berikut :

| Bil | Para & M/Surat | Ahli Majlis | Perkara | Pindaan / Cadangan |
|-----|-----------------------------|-----------------------|---|---|
| 1. | Para 5.1 (ii) & m/s 5 | Encik Yap Kok Weng | Laporan bulanan Jabatan Penguatkuasa MBSJ – isu kereta tunda | Beliau ingin penjelasan berkenaan cadangan kaedah meletakkan notis pemberitahuan penundaan kenderaan di lokasi kereta ditunda. Keputusan Mesyuarat : Datuk Bandar berpandangan cadangan tersebut perlu dikaji dan diteliti keberkesanannya. Beliau mencadangkan supaya perkara tersebut dilaksanakan : i) Membuat laporan |

| Bil | Para & M/Surat | Ahli Majlis | Perkara | Pindaan / Cadangan |
|-----|------------------|-------------------|--------------------------|--|
| | | | | <p>polis berkenaan aktiviti penundaan;</p> <p>ii) Melaksanakan audit panggilan telefon terhadap talian telefon unit tunda kenderaan yang diadukan tidak berangkat;</p> <p>iii) Meletakkan papan tanda zon tunda dengan memasukkan maklumat berkenaan nombor telefon yang boleh dihubungi bagi pertanyaan berkenaan penundaan kenderaan.</p> <p style="text-align: right;">Tindakan : Jabatan Penguatkuasaan</p> |
| 2. | Para 7.2 & m/s 6 | Datuk Bandar MBSJ | Kertas Permohonan Permit | Beliau meminta pandangan Ahli Mesyuarat berkenaan |

| Bil | Para & M/Surat | Ahli Majlis | Perkara | Pindaan / Cadangan |
|-----|----------------|-------------|---------------------------------|---|
| | | | Sementara Bazar Aidilfitri MBSJ | permohonan permit sementara bazar Aidilfitri secara berkelompok di Dataran Puchong Permai bagi tahun 2021 yang telah dibuka permohonan secara tender. Sehingga tarikh tamat tender tersebut hanya seorang sahaja pemohon yang berminat. Mesyuarat teknikal telah berbincang dan bersetuju untuk mengeluarkan permit kepada penganjur tersebut dan mereka akan memulakan perniagaan dalam tempoh 2 minggu sebelum Aidilfitri. Mohon ahli mesyuarat untuk mengesahkan minit mesyuarat Teknikal Penjaja bagi |

| Bil | Para & M/Surat | Ahli Majlis | Perkara | Pindaan / Cadangan |
|-----|----------------|-------------|---------|--|
| | | | | <p>membolehkan surat kelulusan dan permit dikeluarkan.</p> <p>Keputusan Mesyuarat :</p> <p>Ahli mesyuarat sebulat suara bersetuju untuk meluluskan permohonan permit sementara bazar Aidilfitri MBSJ secara berkelompok di Dataran Puchong Permai bagi tahun 2021.</p> <p>Tindakan :</p> <p>Jabatan Pelesenan</p> |

6.6 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kesihatan dan Kesejahteraan Bandar Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 3/2021 bertarikh 14 April 2021

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan pindaan dan cadangan seperti yang berikut :

| Bil | Para & M/Surat | Ahli Majlis | Perkara | Pindaan / Cadangan |
|-----|-----------------------------|---|---|---|
| 1. | Para 2.1 (ii) & m/s 3 | Encik Mehanatan a/l Embamurthi | Taklimat Laporan Prestasi Bulanan daripada KDEB Waste Management Sdn. Bhd. | <p>Beliau meminta pindaan dibuat terhadap lokasi penjaga iaitu di jalan TK 1/11 kepada PUJ 3.</p> <p>Keputusan Mesyuarat:</p> <p>Datuk Bandar meminta urus setia Mesyuarat Jawatankuasa Kesihatan dan Kesejahteraan Bandar membuat pindaan terhadap minit mesyuarat seperti yang dinyatakan.</p> <p>Tindakan : Jabatan Kesihatan</p> |
| 2. | Para 2.1 (iv) & m/s 4 | Tuan Ar.Kamarul Hisham bin Hj.Yeop Hashim | | Beliau meminta penjelasan berkenaan mewajibkan penduduk kawasan USJ dan SS untuk melaksanakan program pengasingan sampah dari rumah. |

| Bil | Para & M/Surat | Ahli Majlis | Perkara | Pindaan / Cadangan |
|-----|-------------------|------------------------------------|--|--|
| | | | | <p>Keputusan Mesyuarat :</p> <p>Datuk Bandar memaklumkan bahawa perkara ini masih dalam proses kajian dan penyediaan kertas kerja.</p> <p>Tindakan : Jabatan Pengurusan Alam Sekitar</p> |
| 3. | Para 6.2 & m/s 10 | Encik Mohan Singh a/l Surtar Singh | Kertas Cadangan Mewajibkan Premis Makanan Yang Ditutup (Gred D) Mengikuti Semula Kursus Asas Pengendali Makanan (KAPM) Dan Dimestikan Dipantau Oleh Kakitangan Jabatan Kesihatan Semasa Mengikuti Kursus | <p>Beliau meminta diteliti semula perkara ii dan v agar tidak menyukarkan pemilik kedai.</p> <p>Keputusan Mesyuarat :</p> <p>Datuk Bandar meminta Penasihat Undang-Undang meneliti dan mencadangkan ayat yang bersesuaian.</p> <p>Tindakan : Jabatan Undang-Undang</p> |

**6.7 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur,
Pengangkutan dan Kemudahan Awam Majlis Bandaraya
Subang Jaya Bil.3/2021 bertarikh 15 April 2021**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan pindaan seperti yang berikut :

| Bil | Para & M/Surat | Ahli Majlis | Perkara | Pindaan / Cadangan |
|-----|-------------------|--------------------|--|--|
| 1. | Para 7.1 & m/s 10 | Encik Yap Kok Weng | Kertas Cadangan Penubuhan Jawatankuasa Bagi Jawatankuasa Kecil Pengangkutan Awam dan Lalulintas Majlis Bandaraya Subang Jaya bagi tahun 2021-2022. | Beliau meminta supaya Encik Wong Yii Seang digantikan dengan Encik Thong Kim Fatt sebagai ahli Jawatankuasa Kecil Pengangkutan Awam dan Lalulintas MBSJ bagi tahun 2021-2022. Penukaran ini disebabkan oleh Encik Wong Yii Seang bukan ahli Mesyuarat Jawatankuasa infrastruktur, Pengangkutan dan Kemudahan Awam. |

| Bil | Para & M/Surat | Ahli Majlis | Perkara | Pindaan / Cadangan |
|--|--------------------|-------------------|-----------------------------------|---|
| Keputusan Mesyuarat : | | | | <p>Mesyuarat bersetuju dengan penukaran ini dan Encik Thong Kim Fatt akan menggantikan Encik Wong Yii Seang sebagai ahli Jawatankuasa Kecil Pengangkutan Awam dan Lalulintas MBSJ bagi tahun 2021-2022.</p> |
| Tindakan : Jabatan Kejuruteraan | | | | |
| 2. | Para 7.10 & m/s 17 | Puan Ng Seow Chen | Hal-hal lain – Encik Yap Kok Weng | Beliau memaklumkan bahawa perkara 7.10 bukan dibangkitkan oleh Encik Yap Kok Weng tetapi daripada Puan Ng Seow Chen. Mohon dibuat pindaan ke atas minit mesyuarat. |

| Bil | Para & M/Surat | Ahli Majlis | Perkara | Pindaan / Cadangan |
|-----|----------------|-------------|---------|---|
| | | | | <p>Keputusan Mesyuarat :</p> <p>Datuk Bandar meminta urus setia Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur, Pengangkutan dan Kemudahan Awam membuat pindaan terhadap minit mesyuarat seperti yang dinyatakan.</p> <p>Tindakan : Jabatan Kejuruteraan</p> |

6.8 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Perkhidmatan dan Teknologi Maklumat Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 3/2021 bertarikh 16 April 2021

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

7.0 KERTAS CADANGAN / USUL

7.1 Kertas Cadangan Menerima Pakai Surat Edaran Kerajaan Negeri Selangor Berkaitan Garis Panduan Pembayaran Bantuan Khas Kewangan Sempena Hari Raya Aidilfitri 1442/2021 Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

Kertas cadangan ini disediakan oleh Jabatan Khidmat Pengurusan dan dibentangkan oleh Timbalan Pengarah Khidmat Pengurusan.

Keputusan Mesyuarat :

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat bersetuju dan menerima pakai berkaitan Surat Edaran Kerajaan Negeri Selangor Berkaitan Garis Panduan Pembayaran Bantuan Khas Kewangan Sempena Hari Raya Aidilfitri 1442/2021 Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor. Pembayaran Bantuan Khas ini akan diberikan sebelum Hari Raya Aidilfitri 1442/2021.

Tindakan : Jabatan Khidmat Pengurusan

7.2 Penyata Kewangan Majlis Bandaraya Subang Jaya Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2020

Penyata Kewangan ini disediakan oleh Jabatan Perbendaharaan dan dibentangkan oleh Pengarah Perbendaharaan.

Keputusan Mesyuarat :

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat bersetuju dan menerima Penyata Kewangan Majlis Bandaraya Subang Jaya Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2020.

Makluman

7.3 Kertas Makluman Anugerah Subang Jaya Gemilang Bersama 2020/2021

Kertas makluman ini disediakan oleh Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik dan dibentangkan oleh Timbalan Pengarah Korporat dan Pengurusan Strategik.

Keputusan Mesyuarat :

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat bersetuju dan menerima pembentangan Anugerah Subang Jaya Gemilang Bersama 2020/2021.

Tindakan : Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategi

7.4 Notis Usul

Notis usul ini disediakan oleh Encik Yap Kok Weng daripada Parti PKR berkenaan cadangan pemberian bantuan khas kewangan kepada semua pembantu Ahli Majlis sempena Aidilfitri 1442/2021.

Keputusan Mesyuarat :

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat bersetuju untuk memberikan tambahan peruntukan pengurusan pejabat kepada semua pembantu Ahli Majlis berjumlah RM 500.00 sempena Hari Raya Aidilfitri 1442/2021.

Tindakan :
Jabatan Khidmat Pengurusan

8.0 PENUTUP

Datuk Bandar mengucapkan terima kasih dan mesyuarat ditangguhkan pada jam 11.40 pagi.

Tarikh Disediakan : 30 April 2021

" SELANGOR MAJU BERSAMA "

" MESRA, CEKAP DAN BERINTEGRITI "

Disediakan oleh;

.....
(HJ. MOHD ZULKURNAIN BIN CHE ALI), A.M.N., A.M.S.

Setiausaha

MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

Disahkan oleh;

.....
(TPR. NORAINI BINTI ROSLAN), S.I.S., P.P.T

Datuk Bandar

MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

LAMPIRAN A

HADIR

- | | | | |
|-----|--|---|-------------------------|
| 1. | TPr.Puan Noraini binti Roslan, S.I.S., P.P.T Datuk Bandar | - | Pengerusi |
| 2. | Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, A.M.N., A.M.S. Timbalan Datuk Bandar | - | Setiausaha Mesyuarat |
| 3. | Encik Yap Kok Weng | - | Ahli Majlis |
| 4. | Encik M.Anbarasan A/L Murugesu | - | " |
| 5. | Tuan Ar.Kamarul Hisham bin Hj.Yeop Hashim | - | " |
| 6. | Encik Mohan Singh a/l Surtar Singh | - | " |
| 7. | Encik Chia Yew Ken | - | " |
| 8. | Encik Mehanatan a/l Embamurthi | - | " |
| 9. | Encik Thomas Low Yen Sen | - | " |
| 10. | Encik Thamilarusu a/l Sandayan | - | " |
| 11. | Encik Wong Yii Seang | - | " |
| 12. | Puan Lee Jen Uyin | - | " |
| 13. | Puan Ng Seow Chen | - | " |

| | | | |
|-----|---|---|---|
| 14. | Encik Thong Kim Fatt | - | " |
| 15. | Encik Mohd Tarmizi bin Lazim | - | " |
| 16. | Encik Teh Eng Teck | - | " |
| 17. | Encik Mohd Fitri bin Jamaludin | - | " |
| 18. | Puan Aniza binti Jamaludin | - | " |
| 19. | Encik Muhammad Syafiq bin Mohamad Norizan | - | " |
| 20. | Encik Kenneth Sam a/l Saminathan | - | " |
| 21. | Encik Jestin Raj Savarimuthu | - | " |
| 22. | Encik Muhammad Fauzan bin Rosli | - | " |
| 23. | Encik Mohamad Kamil bin Harun | - | " |
| 24. | Encik Jaafar bin Mat Akid | - | " |

TURUT HADIR (PEGAWAI MPSJ)

1. Ir. Rosli bin Mohammad Yunus, K.M.N , P.J.K.
Pengarah, Jabatan Kejuruteraan
2. Tuan. Hj. Mohd Fadzil bin Mahat, A.M.N., A.M.S.
Pengarah, Jabatan Perpendaharaan
3. Encik Muhammad Zaki bin Yusoff
Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat

4. Encik Ismail bin Salim, P.J.K.
Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan
5. Dr. Roslan bin Mohamed Hussin, A.M.S.
Pengarah, Jabatan Kesihatan
6. Puan Hjh. Anita binti Abd Jalil, P.P.T.
Pengarah, Jabatan Undang-Undang
7. Sr. Aida binti Omar, MRISM
Pengarah, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta
8. Puan Hjh. Sharifah Rohaida binti Abd Rahman, P.J.K.
Pengarah, Jabatan Hasil
9. Ts. Azura Binti Mohd Don
Pengarah, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar
10. Encik Nor Azmi bin Hj. Mohd Rosli, P.P.T.
Pengarah, Jabatan Bangunan
11. Encik Samzol bin Saat
Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
12. Puan Hjh. Noraziah binti Ali, K.M.N , P.J.K.
Pengarah, Unit Audit Dalam
13. Sr Nazarudin bin Mashtuki
Pengarah, Jabatan Kontrak dan Ukur Bahan
14. Encik Farid bin Ibrahim
Pengarah, Jabatan OSC
15. Sr. Mohd Marwan bin Khalilludin
Pengarah, Jabatan COB
16. Encik Afzarizal Bin Abdul Rashid
Timbalan Pengarah, Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik

17. Puan Azlina Binti Mat Salim
Penolong Pengarah (Kanan), Jabatan Landskap
18. Puan Emilia binti Nasir
Penolong Pengarah, Unit Integriti
19. Encik Mohd Hazman bin Mahayudin
Timbalan Pengarah, Jabatan Perancangan Bandar
20. Puan Rosmawati binti Zainuddin
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pelesenan

TIDAK HADIR

1. Encik Muhammad Khairil bin Khalid - Ahli Majlis
2. Tpr.Haji Ismail bin Muhammad,A.I.S Pengarah, Jabatan Perancangan Bandar
3. Puan Hjh. Sharifah Rohaida binti Abd Rahman, P.J.K. Pengarah, Jabatan Hasil
4. Encik Muhammad Azli Bin. Miswan Pengarah, Jabatan Pelesenan

URUSETIA

1. Puan Nik Zalina binti Megat Muda
Timbalan Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
2. Puan Mazura binti Mohamad
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
3. Puan Juliana binti Jaafar
Penolong Pegawai Tadbir Kanan, Jabatan Khidmat Pengurusan